

TEKS UCAPAN
YAA TAN SRI DATO' SERI MD RAUS SHARIF
KETUA HAKIM NEGARA
DI
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN (MoU)
ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
(PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH
PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP))
DAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

25 MEI 2017 / 11.15 PAGI
DEWAN SRI MERSAWA, EDC HOTELS AND
RESIDENCES,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
SINTOK, KEDAH

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera,

Yang Arif Dato'. Hashim bin Hamzah

Hakim Mahkamah Tinggi Alor Setar

Yang Arif Puan Chan Jit Lee

Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Alor Setar

Yang Arif Tuan Abu Bakar bin Katar

Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kangar

**Yang Berbahagia Profesor Dato' Seri Dr. Mohamed
Mustafa bin Ishak**

Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia

**Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah binti Haji Mohd
Tahar**

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Haji Aslam B. Zainuddin

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi), PKPMP

Yang Berbahagia Dr. Zainal Amin Bin Ayub

Dekan

Pusat Pengajian Undang-Undang

Universiti Utara Malaysia

Yang Berusaha Tuan Amernudin Ahmad

Pengarah Mahkamah Negeri Kedah

Yang Berbahagia Tuan Azman bin Abu Hassan

Pengarah Mahkamah Negeri Perlis

Pegawai-Pegawai Kanan, Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Pegawai-Pegawai Kanan, Universiti Utara Malaysia

Pensyarah-pensyarah,

Ahli-ahli media dan hadirin dan hadirat sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, dapatlah kita bersama-sama hadir dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman

(MoU) antara Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

2. Ini adalah kali kedua majlis seumpama ini diadakan melibatkan PKPMP iaitu selepas Majlis yang pertama diadakan melibatkan PKPMP dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 15 Julai 2016 yang lalu.

Hadirin dan hadirat sekalian,

3. Objektif utama MoU antara PKPMP dan UUM ini adalah untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang pendidikan yang melibatkan perkhidmatan kehakiman, latihan dan pembelajaran berterusan dalam meningkatkan profesionalisme baik di pihak Mahkamah mahupun Universiti, kolaborasi dalam penyelidikan dan penekanan kepakaran advokasi melibatkan pegawai kehakiman, pensyarah-

pensyarah serta pelajar-pelajar di Pusat Pengajian Undang-Undang UUM.

4. MoU ini merupakan satu kerjasama strategik iaitu memberi kebaikan kepada pegawai-pegawai Mahkamah untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bagi memastikan pembelajaran berterusan (*continuing legal education*). Selain itu, ia menguntungkan pensyarah-pensyarah terutamanya pelajar-pelajar undang-undang yang ingin mendapatkan tunjuk ajar secara terus (*one-to-one*) daripada hakim-hakim dan pegawai kehakiman.
5. Untuk pengetahuan hadirin sekalian, Badan Kehakiman Malaysia telah memperkenalkan program *judicial clerkship* sejak dua tahun yang lalu. Menerusi program ini, graduan daripada universiti luar negara dan dalam negara telah terpilih untuk

menjalani program *judicial clerkship* di Istana Kehakiman selama tiga (3) bulan. Mereka yang telah terpilih ini ditempatkan di bawah seliaan beberapa orang hakim. Mereka selalunya diberi tugas membantu para hakim menjalankan penyelidikan dan menyediakan pendapat undang-undang. Graduan-graduan juga akan berpeluang mengetahui caramana hakim-hakim menyediakan alasan penghakiman dan turut berpeluang berbincang bersama hakim-hakim mengenai sesuatu isu undang-undang dan juga berpeluang mempelajari teknik menulis alasan penghakiman yang berkualiti. Saya percaya, ini akan meningkatkan kebolehpasaran seseorang graduan tersebut apabila tamat pengajian nanti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Saya melihat kerjasama antara PKPMP dengan UUM melalui MoU ini merupakan permulaan yang baik ke

arah meningkatkan kualiti pendidikan undang-undang.

7. Untuk makluman semua, Badan Kehakiman Malaysia juga telah menerima pelajar-pelajar jurusan undang-undang bagi menjalani program sangkutan, "*internship*" di Mahkamah. Ini sebenarnya berguna untuk pelajar-pelajar undang-undang agar lebih memahami sillibus yang dipelajari dari aspek praktikal di mahkamah. Menerusi program "*internship*" ini, pelajar-pelajar berpeluang berada di sebelah Majistret semasa perbicaraan sebenar di mahkamah terbuka, berada bersama-sama timbalan pendaftar mahkamah tinggi semasa pendengaran kes-kes di dalam kamar, belajar secara *hands-on* sistem *e-filing* dan *Court Recording and Transcription* dan banyak lagi prosedur di mahkamah. Oleh itu, ia memberikan pemahaman yang lebih lanjut apabila mereka mendengar

penerangan pensyarah di universiti. Dalam kata lain, pelajar-pelajar melalui program "*internship*" ini akan dapat mempelajari dari segi aspek praktikal, terutamanya prosedur di Mahkamah.

Hadiran dan hadirat sekalian,

8. MoU yang ditandatangani pada hari ini memberikan tumpuan kepada sembilan skop kerjasama di antara PKPMP dan UUM; iaitu, merangkumi:
 - (i) kemudahan pegawai dan kakitangan kehakiman untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi;
 - (ii) membenarkan akses ke atas bahan-bahan bagi tujuan penerbitan,
 - (iii) pelaksanaan program "*judicial clerkship*",
 - (iv) kemudahan penyelidikan dan perkongsian ilmu,
 - (v) penempatan pelajar dan ahli akademik secara sangkutan (*attachment*) di mahkamah,
 - (vi) aktiviti akademik berupa *mentoring*,

- (vii) penggunaan kemudahan elektronik bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran,
- (viii) membangunkan serta mengoptimumkan penggunaan kepakaran kedua-dua pihak ke arah meningkatkan tahap profesionalisme kerjaya masing-masing ; dan
- (ix) memastikan kerjasama membangunkan modal insan cemerlang dengan asas penyampaian pendidikan serta latihan dari peringkat universiti yang sentiasa berkualiti.

9. Skop kerjasama yang menyeluruh ini bakal memberi impak yang positif dalam melahirkan graduan yang menepati kehendak pasaran kerja (*employability*), sama ada yang memilih untuk menjadi pengamal undang-undang (*practising lawyers*), pensyarah mahupun berkhidmat dengan Kerajaan.

10. Dalam masa yang sama, melalui MoU yang ditandatangani pada hari ini bakal mengeratkan hubungan di antara ahli akademik dengan hakim-

hakim dan pegawai kehakiman. Adalah diharapkan mereka akan saling membantu dan berkongsi ilmu dalam menjayakan program-program yang dikenalpasti bagi meningkatkan kecemerlangan dan membanggakan UUM dan Badan Kehakiman Malaysia.

11. Akhir kata, saya berdoa agar usaha yang murni ini akan berjaya mencapai objektifnya.

Sekian,terima kasih.

(RAUS SHARIF)
Ketua Hakim Negara